

LAPORAN AUTOMOTIF MUDAH.MY

Industri automotif di Malaysia adalah peneraju utama ekonomi negara. Dengan pengeluaran lebih 600,000 kenderaan pada tahun 2018¹, industri automotif telah menyumbang 4.2% daripada jumlah keluaran dalam negara kasar (KDNK).





Laporan Automotif Mudah.my mengkaji pengiklanan dan carian automotif yang paling popular di Mudah.my pada tahun 2019. Jadi, apakah yang dapat disimpulkan dari statistik mengenai kereta yang popular dan mendapat carian tertinggi pada tahun 2019?

¹ The ASEAN Post, "Malaysian automotive sector on the rise", theaseanpost.com <https://theaseanpost.com/article/malaysian-automotive-sector-rise> (accessed February 28, 2020)

METODOLOGI

Laporan Automotif Mudah.my berdasarkan data daripada iklan-iklan di bawah kategori 'Vehicles' dari tempoh Januari sehingga Oktober 2019. Hasil carian adalah carian tertinggi menggunakan kata kunci unik dalam tempoh itu. Senarai iklan adalah jumlah kenderaan yang diiklankan menggunakan kata kunci yang dikenal pasti sepanjang tempoh itu. Segala data dalam laporan ini diperolehi daripada analisis iklan di Mudah.my, melainkan dinyatakan sebaliknya.

5 Model Kereta Paling Popular yang Diiklankan




Apabila merujuk kepada kereta popular, ramai orang menggemari kenderaan tempatan. Perodua dan Proton mendahului kelas bagi model-model kereta paling popular yang tersenarai di Mudah.my menduduki tiga tempat teratas dalam senarai.

Perodua Myvi adalah Raja Automobol, manakala Proton Wira dan Proton Saga yang turut digemari, menduduki tempat kedua dan ketiga masing-masing.

Toyota Vellfire dan Honda Civic mengambil tempat keempat dan kelima, menunjukkan bagaimana kepintaran teknologi kereta Jepun kini sedang merebut tempat di pasaran kereta Malaysia.

5 Model Kereta dengan Carian Tertinggi


Analisis Mudah.my menunjukkan bahawa populariti tempatan masih kekal teguh dalam carian kereta yang popular. Perodua Myvi dan Proton Wira mengambil dua tempat teratas untuk model kereta yang kerap dicari. Ini menepati kedudukan nombor satu dan nombor dua di penyenaaran model kereta kami.



Kereta yang berada di tempat ketiga ialah Perodua Kancil, satu penambahan yang menarik dalam senarai kami. Tahukah anda bahawa kereta Kancil baru sahaja menyambut ulang tahunnya yang ke-25 tahun ini?


Jenama kereta Toyota mengambil tempat keempat dan kelima dalam carian popular, dengan variasi model Vios di tempat keempat dan Hilux di tempat kelima.

Kereta Import Paling Popular yang Diiklankan



Jenama-jenama kereta Jepun telah menembusi pasaran kereta automotif Malaysia pada kadar ketara sepertimana yang dibuktikan oleh hasil carian Mudah.my. Pengiktirafan jenama ini mungkin akan ditingkatkan lagi dengan jenama kereta Jepun, Daihatsu Motor Co. Ltd. yang bakal menyediakan sokongan teknikal yang canggih kepada projek kereta nasional baharu Malaysia, yang bakal diperkenalkan pada tahun 2021.²

Kecenderungan pengguna Malaysia memilih kereta jenama Mercedes Benz dan BMW pula menunjukkan bahawa jenama ini dipercayai oleh pengguna Mudah.my. Kedua-dua jenama ini mempunyai jumlah jualan terkumpul sebanyak hampir 20,000 unit di Malaysia pada tahun 2019.³




Toyota mengambil tempat teratas dalam senarai popular kami untuk model kereta import, dengan Honda di tempat kedua. Ini menunjukkan kontra yang menarik berbanding dengan angka jualan kereta bagi tahun 2019⁴, di mana 69,000 buah kereta Toyota telah dijual di Malaysia berbanding dengan 85,000 buah model Honda.

Model Kereta Import dengan Carian Tertinggi

Tiga daripada lima model kereta import yang paling dicari adalah milik Toyota, dengan Vios di tempat pertama dan Hilux di tempat kedua.

Honda Civic menyertai kumpulan ini di tempat ketiga diikuti dengan BMW, dimana ia lebih menumpu kepada jenama kereta dan bukan pada sebarang model tertentu. Akhir sekali, model Toyota Estima menduduki tempat kelima.



² Kumar, P Prem, Nikkei Asian Review, "Daihatsu named technology partner for Malaysia's next national car", asia.nikkei.com. <https://asia.nikkei.com/Business/Automobiles/Daihatsu-named-technology-partner-for-Malaysia-s-next-national-car> (accessed February 28, 2020)


³ Malaysian Automotive Association, "MARKET REVIEW FOR 2019 AND OUTLOOK FOR 2020", Maa.org.my. http://www.maa.org.my/pdf/Market_Review_2019.pdf (accessed February 28, 2020)


⁴ Ibid.

Kereta Model Tempatan Paling Popular Diiklankan

Rakyat Malaysia sememangnya menggemari Perodua Myvi. Model popular ini mungkin bersaiz kecil, tetapi ia sangat berkuasa dari segi kejayaan yang dicapai di Mudah.my. Perodua Myvi menyumbang 16% daripada seluruh jumlah kereta yang diiklankan di Mudah.my.

Kereta Model Tempatan Paling Popular Diiklankan

Perodua Myvi		16%
Proton Wira		12%
Proton Saga		10%
Perodua Kancil		7.5%
Perodua Viva		5.7%
Lain-lain		48.8%



Model Kereta Tempatan dengan Carian Tertinggi

Sudah tiba masanya untuk menyerahkan mahkota kepada Perodua Myvi, Raja Automobil yang tidak dapat dipertikaikan, kekal mendahului senarai untuk kedua-dua sudut iaitu pengiklanan dan carian. Perodua Kancil mungkin merupakan penambahan yang paling menarik dari kedua-dua sudut tersebut. Walaupun berusia 25 tahun, ia tetap berjaya menambat hati para pemandu Malaysia.

Realiti hari ini ialah kereta kegemaran tempatan Perodua dan Proton terus kekal sebagai model-model yang paling popular di pasaran. Bukan sahaja mereka mempamerkan populariti terunggul di Mudah.my pada tahun 2019, tetapi data jualan kenderaan nasional⁵ juga menyokong fakta ini. Perodua adalah jenama terlaris di Malaysia pada tahun 2019, dengan lebih daripada 240,000 buah model dijual.

Proton menduduki tempat kedua dengan lebih daripada 100,000 buah kenderaan dijual.

Sudah jelas daripada analisis Mudah.my bahawa jenama kereta import Jepun dan Jerman juga popular dikalangan pengguna Malaysia, dengan model Toyota, Honda dan Nissan menduduki tempat teratas di senarai iklan kami.

Model Kereta Tempatan dengan Carian Tertinggi



1. Perodua Myvi
2. Proton Wira
3. Perodua Kancil
4. Proton Satria
5. Proton Waja

⁵ Malaysian Automotive Association, "MARKET REVIEW FOR 2019 AND OUTLOOK FOR 2020", Maa.org.my, http://www.maa.org.my/pdf/Market_Review_2019.pdf (accessed February 28, 2020)